

Malaysia catat rekod baharu 11,079 kes positif Covid-19 semalam

Varian Delta punca kes mencanak

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Varian Delta dikenal pasti antara punca angka positif harian Covid-19 di seluruh negara mencanak naik sehingga mencatatkan rekod baharu semalam dengan 11,079 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, varian itu kini menjadi varian dominan.


“Sebelum ini beta yang telah merebak di seluruh negara dan setiap negeri dikesan ada beta varian tetapi varian delta ini merebak dengan cepat.

“Kalau 100 orang dijangkiti, ia boleh menjangkiti 800 orang dalam masa singkat. Kita lihat jangkitan ikut udara dan dalam masa singkat, ia boleh menjangkiti, jadi perlu ambil tindakan bagi mengelakkan jangkitan,” ujarnya.

Noor Hisham berkata, pihaknya menjangkakan kes harian akan terus bertambah dalam tempoh seminggu hingga dua minggu lagi sebelum ia kembali stabil.

“Sewaktu pelaksanaan PKP pada 1 Jun, dalam tempoh 10 hari kita berjaya meratakan kes dari 9,000 lebih turun ke 5,000 dan 4,000 lebih dan semakin menurun tetapi sekarang ini meningkat semula,” katanya dalam sidang media di sini semalam.

Katanya, ujian saringan Covid-19 yang dipertingkatkan di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Selangor, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan juga menyum-



ORANG ramai beratur panjang bagi menjalani penilaian kesihatan di Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) di Bandar Mahkota Cheras, Kajang, semalam. - UTUSAN/MOHD. FARIZWAN HASBULLAH

bang kepada peningkatan kes.

“Majikan juga menjalankan ujian saringan terhadap pekerja mereka, selain kita tingkatkan ujian saringan bersasar melibatkan komuniti. Ini menyumbang kepada peningkatan kes terutama di ketiga-tiga negeri berkenaan (Selangor, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan).

“Bagi pekerja disahkan positif, sebanyak 85 peratus adalah tahap satu dan dua (tahap satu 53 peratus), manakala 15 peratus

berkemungkinan tahap tiga, empat dan lima (tahap lima sahaja lima hingga 10 peratus),” katanya. Beliau berkata, keseluruhan kes positif kini mencecah 855,949 kes dengan 96,236 kes aktif termasuk 972 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan 456 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Selangor terus meningkat melepasi 5,000 kes dengan 5,263 kes manakala, Kuala Lumpur sebanyak 1,521 kes dan Negeri

Sembilan sebanyak 1,033 kes.

Terdapat 23 kluster baharu dikenal pasti terdiri daripada 13 kluster tempat kerja dan 10 kluster komuniti.

Kluster tersebut ialah Kluster Kemahang Dua (20 kes), Kluster Jalan Biru (25 kes), Kluster Dah Kampung Batu (56 kes), Kluster Kampung Muring (23 kes), Kluster Kuala Permai (34 kes), Kluster Gajah Mati Bukit Besi (21 kes), Kluster Jalan Mawar Ulu Tebrau (14 kes), Kluster Taman

Waja (63 kes), Kluster Kampung Baru Air Panas (129 kes) dan Kluster Industri Teknologi Empat (sembilan kes).

Selain itu, Kluster Jalan Bukit Mor (31 kes), Kluster Pulau Serai (24 kes), Kluster Kampung Sungai Buloh (22 kes), Kluster Jalan Pendekar 18 (lapan kes), Kluster Industri Jalan Usaha Lima (26 kes), Kluster Industri Bukit Minyak 11 (34 kes) dan Kluster Jalan Indah 15 (sembilan kes).

Kluster lain ialah Kluster Jalan Molek Tiga (11 kes), Kluster C2 Kubang Kerian (10 kes), Kluster Jalan Taiping Kuala Sepetang (lapan kes), Kluster Jalan Selayang Utama (15 kes), Kluster Tapak Bina Laluan Kuala Selangor (sembilan kes) dan Kluster Industri Perkampungan Perabut (12 kes),” katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.

Berhubung kesesakan di ICU, beliau berkata, ia berikutan rawatan yang panjang bagi kes tahap empat dengan anggaran tempoh 14 hari manakala 21 hari bagi pesakit tahap lima, ditambah pula dengan peningkatan kes setiap hari.

“Namun kita melihat ruang yang ada seperti menambah katil serta bekerjasama dengan hospital Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk merujuk pesakit Covid-19 tahap empat.

“Sekiranya kes datang secara tiba-tiba ke wad kecemasan dengan jumlah amat tinggi, kita tidak boleh menolak pesakit dan perlu terima sebelum dirujuk ke hospital lain atau ruang yang ada yang telah disiapkan,” katanya.

UTUSAN MALAYSIA UTUSAN MALAYSIA (11/07/2021) N/A/S 04